

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH: KAJIAN KE ATAS TEKANAN
TERHADAP GURU-GURU SEKOLAH
RENDAH DAERAH KOTA KINABALU
SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



CRESCENTIA TIWOL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH: KAJIAN KE ATAS TEKATAN
TERHADAP GURU-GURU SEKOLAH
RENDAH DAERAH KOTA KINABALU
SABAH**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

 (TANDATANGAN PENULIS)

 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

 (NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGESAHAN

NAMA : CRESCENTIA TIWOL

NO. MATRIK : MT1212049T

TAJUK : PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN
SEKOLAH: KAJIAN KE ATAS TEKATAN
TERHADAP GURU-GURU SEKOLAH RENDAH
DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN



DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**

Dr. Muhamad Suhaimi Taat

Tandatangan


2. **PENYELIA BERSAMA** (Jika Ada)

Tandatangan

PENGAKUAN

Karya ini adalah adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29 Mei 2014



CRESCENTIA TIWOL

MT1212049T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa. Dengan limpah kurnia dan rahmatNya, saya memiliki kekuatan dan keyakinan untuk menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Muhamad Suhaimi Taat selaku penyelia penulisan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan, bantuan, sumbangan nasihat dan cadangan beliau telah banyak menolong saya ke arah menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Penyelaras Program dan semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang telah memberikan sumbangan ilmu pengetahuan serta tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini.

Sekalung budi diberikan kepada guru-guru sekolah rendah daerah Kota Kinabalu yang terpilih untuk kajian ini dan telah sudi memberikan kerja sama sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini.

Tidak lupa rakan seperjuangan MEM Kumpulan 1 Sesi 2012/2013 dan rakan-rakan setugas di Sekolah Kebangsaan Mutiara terutamanya Indang Kasi Binti Sibin, Jenny Lui Tet Yun, Diasson Allwin Frankie, Richard Jimmy dan Veronica Janing yang banyak memberi bantuan, sokongan moral dan pendapat kepada saya dalam melaksanakan tugas ini. Terima kasih atas segala-galanya. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas budi baik kalian.


Akhir sekali, kepada suami saya, George Denisius, yang sentiasa memberikan bantuan, sokongan dan dorongan untuk menyiapkan tesis ini serta kepada anak-anak tersayang George Zachariah, Christensen Noreen and Clarissa Chelsea untuk segala kasih sayang yang diberikan yang membuatkan hidup ini lebih bermakna.

Semoga segala ilmu yang diterima dan diperolehi akan digunakan untuk kegunaan dunia dan akhirat. Sekian, God bless.

Crescentia Tiwol
29 Mei 2014

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap tekanan serta faktor-faktor yang mendorong tekanan berkaitan pelaksanaan PBS di kalangan guru sekolah rendah. Seramai 206 orang guru di daerah Kota Kinabalu, Sabah telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Faktor tekanan dikaji dari aspek persediaan guru, persepsi guru, tuntutan masa dan beban tugas, kekangan sumber dan ICT (SPPBS). Kajian ini juga mengkaji peranan demografi terhadap tekanan guru-guru tersebut. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan dan persampelan dilakukan secara persampelan rawak mudah. Data-data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 21.0 (SPSS)* untuk Windows. Statistik deskriptif iaitu skor kekerapan dan min digunakan untuk menganalisis ciri-ciri demografi dan tahap tekanan. Statistik inferensi iaitu analisis ujian-t dan analisis varians digunakan untuk menganalisis perbezaan tahap tekanan dengan ciri-ciri demografi guru manakala korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara faktor tekanan dengan tahap tekanan serta faktor umur dan pengalaman mengajar dengan tahap tekanan. Hasil kajian mendapati tahap tekanan di kalangan guru berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan dengan jantina, umur, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor umur dan pengalaman mengajar dengan tahap tekanan tetapi terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor tekanan dengan tahap tekanan guru. Faktor ICT yang paling mempengaruhi tekanan dengan punca utamanya ialah kesukaran mengakses sistem pengurusan PBS.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study aims to determine the level of stress and the factors that causes stress relating to the implementation of PBS among primary school teachers. A total of 206 teachers from Kota Kinabalu district, Sabah were selected to participate in this study. Stress factors were studied from aspects of teacher's preparation, teacher's perception, time and workload demands, resource constraints and ICT (SPPBS). The study also examined the role of demography on teachers' stress. Research instrument used was questionnaire. Research method used is survey method and sampling was done through simple random sampling. The data was analyzed using Statistical Package for Social Science 21.0 (SPSS) for Windows. Descriptive statistic of frequency and mean score was used to analyze demographic characteristics and the level of stress. Inferential statistic of t-test and variance analysis were used to analyze the difference of stress level with demographic characteristics while Pearson correlation was used to analyze the relationship between stress factors and stress level as well as age and teaching experience with stress level. The study found that the level of stress among teachers is high. The results also showed no significant difference in stress level with gender, age, teaching experience and school location. The study also found no significant relationship between age and teaching experience with stress levels but found that there is significant relationship between stress factors and stress level of teachers. ICT factor influences stress the most with the main cause as the difficulty of accessing the PBS management system.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Soalan Kajian	4
1.5 Tujuan Kajian	4
1.6 Objektif Kajian	5
1.7 Hipotesis Kajian	5
1.8 Definisi Operasional	6
1.8.1 Pelaksanaan	6
1.8.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	6
1.8.3 Tekanan	6
1.8.4 Tekanan Kerja Guru	7
1.8.5 Faktor-Faktor Mendorong Tekanan	7
a. Individu	7
b. Tuntutan Masa dan Beban Tugas	7
c. Kekangan Sumber	8
d. ICT (SPPBS)	8
1.8.6 Faktor Demografi	8
1.8.7 Guru	8

1.9	Signifikan Kajian	8
1.9.1	Guru-Guru	8
1.9.2	Pihak Pentadbiran Sekolah	9
1.9.3	Pihak Jabatan Pelajaran	9
1.9.4	Kementerian Pelajaran Malaysia	9
1.10	Batasan Kajian	9
1.11	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.12	Rumusan	11

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	12
2.3	Definisi Tekanan	12
2.3.1	Definisi Tekanan berdasarkan Rangsangan	13
2.3.2	Definisi Tekanan berdasarkan Tindak Balas	14
2.3.3	Definisi Tekanan berdasarkan Rangsangan Tindak Balas	14
2.4	Definisi Tekanan Guru	15
2.5	Tahap Tekanan Guru	16
2.6	Faktor-Faktor Mendorong Tekanan	16
2.6.1	Faktor Individu (Guru)	17
a.	Persediaan Guru	17
b.	Persepsi Guru	17
2.6.2	Faktor Tuntutan Masa dan Bebanan Tugas	17
2.6.3	Faktor Kekangan Sumber	19
2.6.4	Faktor ICT (SPPBS)	20
2.7	Demografi Guru yang Mempengaruhi Tekanan	20
2.8	Teori-Teori Tekanan Kerja	21
2.8.1	Teori Psikodinamik, Behaviurisme, Kognitif, Tingkah Laku dan Biologikal	21
a.	Teori Psikodinamik	21
b.	Teori Behaviurisme	21
c.	Teori Kognitif	21
d.	Teori Tingkah Laku dan Biologikal (Teori Sindrom Adaptasi Am)	21

2.8.2	Teori Tekanan Menurut Anthony, Pervew & Kacmar	23
2.8.3	Teori Hierarki Keperluan Maslow	23
2.8.4	Teori Dua Faktor Herzberg	25
2.8.5	Teori Motivasi ERG Alderfer	26
2.9	Model-Model Tekanan Kerja	27
2.9.1	Model Tekanan Tuntutan-Kawalan (Karasek, 1979)	27
2.9.2	Model Tekanan Atkinson (1988)	29
2.9.3	Model Tekanan Tuntutan-Kawalan-Sokongan (Karasek dan Theorell, 1990)	30
2.9.4	Model Tekanan Cooper (1998)	32
2.9.5	Model Tekanan Kerja (Palmer dan Cooper, 2004)	33
2.9.6	Model Punca Tekanan Kerja (Jaafar Muhammad, 2003)	35
2.10	Model-Model Tekanan Kerja Guru	40
2.10.1	Model Tekanan Kerja Guru (Kyriacou dan Sutcliffe, 1978)	40
2.10.2	Model Tekanan Kerja-Guru (Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni, 1995)	42
2.11	Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model, TAM)	43
2.12	Kajian Tempatan Tekanan Guru	44
2.13	Kajian Luar Negara Tekanan Guru	49
2.14	Rumusan	50

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka bentuk Kajian	52
3.3	Populasi dan Sampel	52
3.3.1	Populasi	52
3.3.2	Sampel	53
3.4	Instrumen	54
3.4.1	Prosedur Pembinaan	55
3.4.2	Reka bentuk Soal Selidik	56
3.5	Pengumpulan Data	59
3.6	Analisis Data	60
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	60

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Demografi Responden Kajian	62
4.2.1	Jantina	62
4.2.2	Umur	63
4.2.3	Pengalaman Mengajar	63
4.2.4	Lokasi Sekolah	64
4.3	Tahap Tekanan Guru	64
4.4	Faktor dan Punca Utama Tekanan Guru	65
4.5	Analisis Perbezaan Tahap Tekanan Berdasarkan Ciri Demografi	70
4.5.1	Analisis Perbezaan Tahap Tekanan Berdasarkan Jantina	70
4.5.2	Analisis Perbezaan Tahap Tekanan Berdasarkan Umur	71
4.5.3	Analisis Perbezaan Tahap Tekanan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	72
4.5.4	Analisis Perbezaan Tahap Tekanan Berdasarkan Lokasi Sekolah	73
4.6	Hubungan Antara Faktor-Faktor Mendorong Tekanan dengan Tahap Tekanan Guru	74
4.6.1	Hubungan Antara Faktor Individu dengan Tahap Tekanan Guru	75
4.6.2	Hubungan Antara Faktor Tuntutan Masa dan Beban Tugas dengan Tahap Tekanan Guru	76
4.6.3	Hubungan Antara Faktor Kekangan Sumber dengan Tahap Tekanan Guru	76
4.6.4	Hubungan Antara Faktor ICT (SPPBS) dengan Tahap Tekanan Guru	77
4.7	Rumusan	77

BAB 5: PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	78
5.2	Perbincangan	78
5.2.1	Tahap Tekanan Guru	78

5.2.2	Faktor dan Punca Utama Tekanan Guru	79
5.2.3	Perbezaan antara Tahap Tekanan Berdasarkan Ciri Demografi	81
5.2.4	Hubungan antara Faktor-Faktor Tekanan dengan Tahap Tekanan Guru	83
5.3	Rumusan	83
5.4	Cadangan	84
RUJUKAN		87
SENARAI LAMPIRAN		102
Lampiran A : Analisis SPSS		103
Lampiran B : Soal Selidik Kajian		109
Lampiran C : Semakan Soal Selidik		115
Lampiran C : Surat Kebenaran Kajian		119



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 3.1:	Kategori sekolah Rendah di Daerah Kota Kinabalu	53
Jadual 3.2:	Populasi guru sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu	53
Jadual 3.3:	Jadual penentuan saiz sample	54
Jadual 3.4:	Jumlah skor untuk tahap tekanan	55
Jadual 3.5:	Koefisien kebolehpercayaan instrumen	61
Jadual 4.1:	Taburan responden mengikut jantina	62
Jadual 4.2:	Taburan responden mengikut umur	63
Jadual 4.3:	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	63
Jadual 4.4:	Taburan responden mengikut lokasi sekolah	64
Jadual 4.5:	Tahap tekanan guru	64
Jadual 4.6:	Analisis skor min faktor-faktor yang mendorong tekanan	66
Jadual 4.7:	Taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai berdasarkan 54 item punca tekanan	66
Jadual 4.8:	Punca-punca tekanan berdasarkan analisis skor min	68
Jadual 4.9:	Jadual statistik mengikut jantina	70
Jadual 4.10:	Ujian-t Tahap tekanan berdasarkan perbezaan jantina	71
Jadual 4.11:	Jadual statistik mengikut umur	71
Jadual 4.12:	ANOVA Tahap tekanan berdasarkan perbezaan umur guru	72
Jadual 4.13:	Jadual statistik mengikut pengalaman mengajar	72
Jadual 4.14:	ANOVA Tahap tekanan berdasarkan pengalaman mengajar guru	73
Jadual 4.15:	Jadual statistik mengikut lokasi sekolah	73
Jadual 4.16:	Ujian-t Tahap tekanan berdasarkan lokasi sekolah	74
Jadual 4.17:	Jadual Korelasi Cohen (1988)	74
Jadual 4.18:	Korelasi faktor individu (persediaan) dengan tahap tekanan	75
Jadual 4.19:	Korelasi faktor individu (persepsi) dengan tahap tekanan	75
Jadual 4.20:	Korelasi faktor tuntutan masa dan beban tugas dengan tahap tekanan	76
Jadual 4.21:	Korelasi faktor kekangan sumber dengan tahap tekanan	76
Jadual 4.22:	Korelasi faktor ICT dengan tahap tekanan	77

SENARAI RAJAH

Rajah	MUKA SURAT
Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian	10
Rajah 2.1: Tiga tahap asas perkembangan Teori Sindrom Adaptasi Am	22
Rajah 2.2: Hierarki Keperluan Maslow	24
Rajah 2.3: Teori Dua Faktor Herzberg	26
Rajah 2.4: Teori ERG Alderfer	27
Rajah 2.5: Model Tekanan Tuntutan Kawalan (Karasek, 1979)	28
Rajah 2.6: Model Tekanan Atkinson (1988)	30
Rajah 2.7: Model Tekanan Tuntutan-Kawalan-Sokongan (Karasek dan Theorell, 1990)	31
Rajah 2.8: Model Tekanan Cooper (1988)	32
Rajah 2.9: Model Tekanan Kerja Palmer and Cooper (2004)	34
Rajah 2.10: Model Punca Tekanan Kerja Jaafar (2003)	35
Rajah 2.11: Model Tekanan Kerja Guru Kyriacou dan Sutcliffe (1978)	41
Rajah 2.12: Model Tekanan Kerja-Guru Boyle et al. (1995)	42
Rajah 2.13: Model Penerimaan Teknologi	43
Rajah 4.1: Tahap tekanan guru	65

SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information Communications Technology</i> (Teknologi Maklumat)
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
NUTP	<i>National Union of Teaching Profession Malaysia</i> (Kesatuan Kebangsaan Profesion Perguruan)
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SRJKC	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu dasar baru yang diperkenalkan dalam bidang pendidikan di mana komponen pentaksiran dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru matapelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). PBS dirancang, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran tersebut.

Profesion perguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Menurut Ibrahim Ahmad Bajunid (1995), tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan. Justeru itu, dengan pelaksanaan pelbagai-bagai reformasi dalam pendidikan, peranan dan tanggungjawab guru-guru pastinya menjadi lebih mencabar. Dengan permintaan yang semakin meningkat daripada pelajar-pelajar dan ibu bapa, serta keperluan kerja yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, tahap tekanan guru semakin meningkat. Profesion perguruan telah dikategorikan sebagai pekerjaan berisiko tinggi untuk tekanan (Chan dan Hui, 1995; Pithers dan Forgaty, 1995).

1.2 Latar Belakang Masalah

Gold dan Roth (1993) menyatakan bahawa salah satu punca stres tekanan guru adalah perubahan. Sistem pendidikan Malaysia telah melalui proses perubahan yang besar dan pesat, dan kerapnya guru-guru mendapati bahawa tawaran sokongan adalah tidak mencukupi untuk membantu mereka menangani perubahan

ini. Hasilnya, kini kebanyakan guru mendapati bahawa pada satu ketika dalam kerjaya mereka, mereka akan mengalami satu jenis tekanan. Guru yang mengalami tekanan akan cenderung berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Kegagalan guru untuk mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan negatif kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan.

Pada 17 Disember 2010 , Kabinet bersetuju untuk memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) , sebagai sebahagian daripada Pelan Transformasi Pendidikan untuk menyusun semula sistem pendidikan daripada yang berfokus kecemerlangan akademik kepada penilaian yang lebih holistik. Peperiksaan pusat seperti UPSR dan PMR bukan lagi bentuk penilaian tunggal dalam mengukur pencapaian murid. PBS menekankan penilaian pembelajaran untuk memastikan penguasaan pengetahuan yang lebih sistematik.

PBS mula dilaksanakan mulai 1 Februari 2012 melalui Pekeliling Perlaksanaan dari Lembaga Peperiksaan No. Rujukan KP/LP/005/08/06/01/(27). Pelaksanaan ini diyakini dapat melahirkan modal insan yang holistik serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ketika ini sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan dilihat lebih mengiktiraf pencapaian akademik menyebabkan penglibatan pelajar kurang dalam aspek kokurikulum.

PBS merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru matapelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara tugas seorang pentaksir (guru) ialah merekod dan menyimpan skor dalam Borang Skor Individu, penyediaan fail (Fail Pengurusan, Fail Kes Kes Khas, Portfoliol Guru, Portfolio Perkembangan Murid, Portfolio Pameran (*Showcase*) Murid), menghantar skor ke Lembaga Peperiksaan dengan memasukkan data prestasi murid ke dalam Sistem Pengurusan PBS dan mengeluarkan sijil di peringkat sekolah.

Bebanan kerja tambahan ini kepada guru-guru merupakan salah satu sebab guru-guru berasa tertekan. Ramai guru yang mengguna pakai sistem ini telah mengeluarkan keluhan mereka di blog-blog dan laman-laman web rasmi pendidikan. Ini telah membangkitkan kebimbangan sesetengah pihak, yang membawa kepada Kesatuan Kebangsaan Profesion Perguruan (NUTP) menghantar memorandum yang mengandungi sembilan tuntutan kepada Kementerian Pelajaran untuk meningkatkan, antara lain, sistem pentaksiran. Sebuah akhbar berbahasa Cina telah melaporkan bahawa PBS telah dilancarkan tanpa pelaksanaan yang betul, menyebabkan guru-guru dibebani dengan kerja-kerja penilaian sehingga tidak dapat memberi tumpuan kepada pengajaran. Selain itu, pelbagai masalah melanda guru-guru dalam pelaksanaan PBS yang seterusnya menyumbang kepada tekanan guru.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru-guru adalah orang utama yang diamanahkan dalam proses penerapan dan penyampaian ilmu. Sama ada terpaksa atau tidak, para guru dituntut untuk membangunkan diri dengan sebarang bentuk perubahan serta pembaharuan dalam bidang pendidikan yang berlaku dari semasa ke semasa. Secara umumnya, situasi ini mengakibatkan guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar, lebih berat dan semakin kompleks.

Berdasarkan latar belakang masalah, didapati PBS adalah satu usaha yang sukar dan menuntut komitmen penuh daripada guru-guru dan pentadbir sekolah untuk membantu setiap kanak-kanak mencapai potensi penuh mereka. Pelaksanaan PBS menjadi semakin sukar apabila para guru menghadapi pelbagai masalah. Antara masalah yang dihadapi oleh guru-guru ialah masalah capaian internet sangat lemah (pedalaman) menyebabkan guru-guru terpaksa pergi ke kawasan bandar atau pekan yang mempunyai akses internet untuk mengisi hasil pentaksiran yang dilakukan secara manual, penyediaan evidens/instrumen pentaksiran, terlalu banyak masa dihabiskan untuk PBS sehingga proses Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) dan tugas lain terabai, masalah pengurusan fail – evidens terlalu banyak dan masalah penyimpanan fail, masalah bagi mencetak instrumen yang banyak (terutama sekolah pedalaman yang tiada

kemudahan mesin cetak) dan guru kurang faham kaedah pentaksiran kerana terdapat perbezaan antara versi manual dan secara online.

Berdasarkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBS, pengkaji menjalankan kajian ini untuk memberikan maklumat yang lebih saintifik tentang tahap dan faktor-faktor yang mendorong tekanan yang dialami oleh guru-guru. Perkara-perkara yang akan dikaji adalah persediaan guru melaksanakan PBS, babanan kerja berkaitan PBS, mengenalpasti pengurusan masa dan sumber guru-guru sewaktu pelaksanaan PBS, mengenalpasti kelengkapan peralatan serta kemudahan akses kepada Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan mengenalpasti bebanan kerja yang dihadapi dalam pelaksanaan pentaksiran. Justeru itu, tahap tekanan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya sangat penting untuk dikaji agar dapat mengesan serta memperbaiki masalah tekanan yang dialami oleh para guru, dan seterusnya dapat mencapai wawasan pendidikan.

1.4 Soalan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk berusaha untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru sekolah rendah dalam melaksanakan PBS?
2. Apakah faktor dan punca utama yang mendorong tekanan yang dikaitkan dalam pelaksanaan PBS di kalangan guru sekolah rendah?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap tekanan berdasarkan demografi guru (jantina, umur, pengalaman mengajar, lokasi sekolah)?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor yang mendorong tekanan (persediaan individu, persepsi individu, tuntutan masa dan beban tugas, kekangan sumber dan ICT (SPPBS)) dengan tahap tekanan guru?

1.5 Tujuan Kajian

Dalam membuat kajian literatur, pengkaji mendapati tidak ada kajian tempatan yang sistematik dan khusus dalam menangani tekanan guru yang berkaitan dengan pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu. Sebagai seorang guru sekolah rendah selama hampir lapan tahun, penyelidik telah mengalami dan berkongsi tekanan yang sama berkaitan dengan pelaksanaan PBS

dengan rakan-rakan guru yang lain. Hasil daripada tekanan, sesetengah guru mengalami beberapa bentuk somatik dan/atau masalah psikologi. Oleh itu, penyelidik telah memilih untuk menerokai isu ini dan untuk menentukan faktor-faktor yang mendorong tekanan tersebut. Pada akhir kajian, penyelidik berharap dapat memikirkan beberapa cadangan pembaikan untuk mengurangkan tekanan guru berkaitan PBS.

1.6 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap tekanan kerja dan faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja di kalangan guru-guru sekolah rendah berkaitan pelaksanaan PBS.

1. Untuk mengenalpasti tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru sekolah rendah dalam melaksanakan PBS.
2. Untuk mengenalpasti faktor dan punca utama mendorong tekanan yang dikaitkan dengan pelaksanaan PBS di kalangan guru sekolah rendah.
3. Untuk melihat perbezaan tahap tekanan berdasarkan demografi guru (jantina, umur, pengalaman mengajar, lokasi sekolah).
4. Untuk mengenalpasti hubungan faktor-faktor yang mendorong tekanan (persediaan individu, persepsi individu, tuntutan masa dan beban tugas, kekangan sumber dan ICT (SPPBS)) dengan tahap tekanan guru.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah:

- Ho¹ : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tahap tekanan berdasarkan jantina.
- Ho² : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tahap tekanan berdasarkan umur.
- Ho³ : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tahap tekanan berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho⁴ : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tahap tekanan berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho⁵ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persediaan individu dengan tekanan guru.

- Ho⁶ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persepsi individu dengan tekanan guru.
- Ho⁷ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tuntutan masa dan beban tugas dengan tekanan guru.
- Ho⁸ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kekangan sumber dengan tekanan guru.
- Ho⁹ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ICT (SPPBS) dengan tekanan guru.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pelaksanaan

Dalam Kamus Dewan (2010), pelaksanaan bermaksud perbuatan atau hal melaksanakan (mengusahakan, menjalankan) sesuatu, menjalankan atau menyelesaikan sesuatu rancangan.

1.8.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pentaksiran sekolah merupakan pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir dan diperiksa dan dilaporkan oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar (Syed Ismail dan Ahmad Subki, 2010).

1.8.3 Tekanan

Keadaan ketegangan atau tekanan mental atau emosi akibat daripada keadaan yang sukar atau mencabar (Kamus Dewan, 2010). Tekanan di sini merupakan tindak balas fizikal, fisiogikal dan psikologikal yang berlaku dalam diri seseorang yang berpunca oleh suasana mengancam atau mencabar yang dihadapi.

Tekanan adalah normal dalam kehidupan yang sentiasa dipenuhi dengan kesibukan. Setiap orang akan mengalami tekanan dalam kehidupan seharian mereka. Tekanan yang berterusan dan keterlaluan boleh mengganggu kesihatan mental mahupun kesihatan fizikal. Cooper dan Marshall (1976) mendefinisikan tekanan kerja sebagai ketidak upaya individu untuk bertindak balas terhadap rangsangan dalam diri dan persekitaran kerja sehingga memberi impak-impak tertentu kepada dirinya.

1.8.4 Tekanan Kerja Guru

Perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan semasa berkerja di sekolah, keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung (Kamus Dewan, 2010). Tekanan kerja guru di sini ialah ketidak senangan emosi seperti ketegangan, kekecewaan, kebimbangan, kemarahan dan kedukacitaan yang dialami oleh para guru dalam aspek-aspek berkerja sebagai seorang guru.

1.8.5 Faktor-faktor Mendorong Tekanan

Merujuk kepada faktor-faktor yang menimbulkan tekanan kerja kepada guru. Dalam kajian ini, lima faktor dilibatkan iaitu persediaan guru, persepsi individu, tuntutan masa dan beban tugas, kekangan sumber dan teknologi maklumat (ICT).

a. Individu

Faktor individu dilihat dari dua segi iaitu persediaan guru dalam melaksanakan PBS dan persepsi guru terhadap pelaksanaan PBS. Persediaan bermaksud keadaan bersedia manakala persepsi bermaksud satu cara menganggap, memahami atau mentafsirkan sesuatu (Kamus Dewan, 2010).

Lavesque (1992) telah mendefinisikan persepsi sebagai satu proses bagaimana manusia memproses dan mengendalikan berbagai-bagai maklumat yang didapati daripada persekitarannya dengan menggunakan pancainderanya. Dalam kajian ini persepsi ialah pengalaman, pandangan dan pendapat guru terhadap penggunaan pelaksanaan PBS di sekolah rendah manakala persediaan guru merujuk kepada sejauh mana guru-guru bersedia dalam melaksanakan PBS di sekolah rendah.

b. Tuntutan masa dan Beban Tugas

Tuntutan bermaksud permintaan yang mengarah dan mendesak (Kamus Dewan, 2010). Tuntutan masa untuk kajian tersebut merujuk kepada tahap umum tuntutan yang dibuat ke atas guru-guru dalam tempoh masa yang singkat.

Jumlah kerja yang perlu di buat oleh seseorang atau sebuah organisasi (Kamus Dewan, 2010) merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, tanggungjawab

terhadap pelajaran dan pentadbiran seperti mengisi borang dan lain-lain tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seseorang sepanjang dia berkerja

c. Kekangan Sumber

Kekangan merupakan had atau sekatan (Kamus Dewan, 2010). Kekurangan sumber pengajaran adalah seperti kekurangan atau ketiadaan peralatan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

d. ICT (SPPBS)

Merujuk kepada had dan sekatan dalam penggunaan sistem pengurusan. Ini dapat dilihat dari segi pencapaian Internet, sumber dan peralatan komputer, pengaksesan sistem, kesenangan menggunakan sistem serta kompetensi guru menggunakannya.

1.8.6 Faktor Demografi

Faktor demografi dalam kajian ini merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang terdiri daripada jantina, umur, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah.

1.8.7 Guru

Dalam kajian ini, guru merujuk kepada semua guru yang terlibat dalam PBS sebagai pentaksir. Bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ialah mengajar dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan akademik dan bukan akademik di sekolah.

1.9 Signifikan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja dan mengkaji paras tekanan kerja di kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu. Kajian ini adalah signifikan kepada para guru, pihak pentadbiran sekolah serta pihak Jabatan Pelajaran.

1.9.1 Guru-Guru

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan berguna kepada para guru yang memikul tanggungan berat menyempurnakan beban tugas. Adalah diharapkan juga guru-guru yang sering tertekan dapat menjadi kajian ini sebagai panduan untuk